

20/03/2001

'Pembangkang penghalang pembangunan'

Kadir Dikoh; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, menyifatkan parti pembangkang sebagai batu penghalang kepada pembangunan negara sehingga menyebabkan pelaksanaan sesuatu projek terlewat dan kosnya meningkat.

Perdana Menteri berkata, pembangkang tidak pernah memberi sokongan walau sebaik mana rancangan kerajaan untuk kebaikan rakyat pelbagai kaum di seluruh negara.

"Pembangkang akan menjadi pengganggu, bukan nak buat apa pun. Apapun kebaikan yang kita nak buat, mereka tak pernah sokong ... cuma jadi penghalang dan proses (bangkangan) mereka itu menjadikan segala pembangunan negara kita ini, kosnya lebih tinggi kerana lewat.

"Kita percaya sidang dewan ini pun macam itu juga ... parti pembangkang akan menjadi batu penghalang kepada segala pembangunan untuk negara kita ini," katanya selepas mesyuarat pra-persidangan bagi ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) di bangunan Parlimen di sini, petang ini.

Pada perjumpaan itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN meminta semua ahli Parlimen BN meneliti isu-isu semasa yang menjadi tumpuan termasuk oleh parti pembangkang selain mengetahui pendirian kerajaan dan alasan-alasannya.

Beliau berkata, antara isu yang dijangka dibangkitkan pada sidang Dewan Rakyat kali ini ialah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Damansara, pergaduhan penduduk di Jalan Klang Lama, pelaburan dalam Penerbangan Malaysia (MAS), dividen yang rendah oleh Tabung Haji dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, isu paling utama tahun ini ialah pelancaran Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

"Tetapi saya yakin, pembangkang akan mengambil kesempatan beberapa masalah kecil sebagai isu utama bagi mereka. Dia (pembangkang) bukan nak pembangunan negara kita ini, dia nak cari isu untuk meraih populariti bagi dia, itu saja. Rosak negara kita ini kalau kita ikut parti lawan," katanya.

Apa yang penting, kata Dr Mahathir, ialah kestabilan politik dan keharmonian kaum tetapi ada pihak tertentu cuba menggugat kestabilan dengan harapan kerajaan dapat digulingkan.

Perdana Menteri berkata, mereka berpandukan kepada kejadian rusuhan dan demonstrasi jalanan di beberapa negara lain yang berjaya menjatuhkan kerajaan melalui tindakan sama.

"Jadi, mereka merancang mengadakan perkara semacam ini. Mereka juga nampak peluang daripada apa yang berlaku di Jalan Klang Lama untuk mengeksploitasikannya dan untuk mencari populariti terutama di kalangan golongan miskin," katanya.

Mengenai mesyuarat khas Dewan Tertinggi BN, beliau berkata, ia akan diadakan di sini secepat mungkin dalam tempoh seminggu akan datang.

Mesyuarat khas itu diadakan berikutan mesyuarat Dewan Tertinggi BN Jumaat lalu kesuntukan masa untuk membincang isu nasional semasa kerana tumpuan diberi kepada isu penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

(END)